

Pengukuran Kemiskinan Pelbagai Dimensi: Kajian Kes di Agropolitan Gahai, Lipis, Pahang

Mohd Khairi Ismail^a (P80463), Chamhuri Siwar^a, Rospidah Ghazali^a dan Basri Abdul Talib^b

^aInstitut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

^bFakulti Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: khairiismail88@yahoo.com

Objektif: Kajian ini membandingkan dua kaedah pengukuran kemiskinan iaitu menggunakan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) dan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). **Metodologi:** Berbanding PGK yang hanya menggunakan dimensi pendapatan, pengukuran MPI menggunakan 15 indikator yang mencakupi dimensi pendidikan, kesihatan, taraf hidup, pendapatan, minda dan alam sekitar. Kajian ini dijalankan di Projek Agropolitan Gahai, Lipis, Pahang dalam menilai tahap kemiskinan 31 orang peserta. **Hasil:** Keputusan kajian menggunakan kaedah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) mendapati hanya 9.7 peratus peserta projek dikategorikan sebagai miskin. Berbanding pengukuran Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) yang menunjukkan kadar kemiskinan peserta adalah dua kali ganda iaitu 23 peratus. Oleh itu, kajian mendapati pendekatan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) mampu memberi pengukuran yang tepat berbanding kaedah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). **Kesimpulan:** Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) adalah pengukuran kemiskinan yang komprehensif dalam membantu pembuat polisi menentukan kemiskinan berdasarkan dimensi yang tertentu.